

Menerima pakai teknologi digital untuk pembangunan ekonomi dan sosial



Kerajaan berusaha menerima pakai teknologi digital untuk pembangunan ekonomi dan sosial dengan menubuhkan rangkaian ICT di seluruh negara sebagai pusat pembelajaran untuk rakyat, di mana mereka boleh menggunakan teknologi digital bagi pembangunan pekerjaan dan menjana pendapatan.

Latihan penggunaan telefon pintar juga telah diatur bagi menjalankan perdagangan dalam talian. Baru-baru ini, dua pusat digital komuniti model ditubuhkan. Salah satunya terletak di daerah Mae Rim, Chiang Mai dan satunya lagi di daerah Phra Yuen, Khon Kaen.

Transformasi ke arah ekonomi digital dilihat sebagai satu langkah yang penting dalam pemodenan ekonomi Thai dengan membenarkan penggunaan teknologi ICT untuk urusan perniagaan dan penyediaan perkhidmatan. Kerajaan juga meningkatkan cara-cara penyediaan perkhidmatan dan urus niaga secara elektronik.

Kementerian Teknologi Maklumat dan Komunikasi telah menghasilkan landskap digital, untuk 20 tahun akan datang, dengan tujuan untuk membangunkan Thailand menjadi sebuah negara digital sepenuhnya. Landskap tersebut melibatkan pembangunan sumber manusia, serta pembangunan pertanian dan pembuatan, melalui penggunaan ICT dan penyelidikan dalam usaha untuk meningkatkan daya saing negara.

Perdana Menteri Jeneral Prayut Chan-o-cha berkata Thailand bermatlamat untuk membangunkan sendiri negaranya menjadi pusat logistik digital bagi industri-industri, perkhidmatan-perkhidmatan dan pelancongan. Ke arah matlamat ini, negara perlu membangunkan infrastruktur ICT dan

menggalakkan penggunaan ICT di rumah kediaman dan sektor-sektor perniagaan. Oleh itu, adalah penting untuk memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai pembelajaran digital.

Dari segi pembangunan sumber manusia, katanya, rakyat Thailand harus mengembangkan kemahiran digital mereka, sehingga mereka mampu memanfaatkan maklumat dalam talian. Lebih-lebih lagi, mereka juga perlu celik digital dan menggunakan teknologi ini dengan bertanggungjawab.

Thailand menunjukkan peningkatan yang ketara dalam perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi dan e-kerajaan. Laporan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Forum Ekonomi Dunia, dan Universiti Waseda Jepun menunjukkan bahawa Thailand telah meningkatkan prestasi e-kerajaannya, dan kedudukannya dalam kesediaan ICT juga meningkat.

Menurut kaji selidik E-Kerajaan PBB 2016, Thailand berada di kedudukan ke-77 daripada 193 negara dan wilayah dalam indeks pembangunan e-kerajaan, naik 25 kedudukan berbanding pada tahun 2014. Di ASEAN, indeks pembangunan e-kerajaan Thailand berada di kedudukan keempat.